




**PEJABAT
DAERAH
DAN TANAH
SABAK
BERNAM**





ISI KANDUNGAN

Amanat Menteri Besar Selangor Tahun 2022	3
<hr/>	
Program dan Aktiviti	4
<hr/>	
Januari 2022	5
<hr/>	
Februari 2022	9
<hr/>	
Mac 2022	18
<hr/>	
Kelab KESUKA	23
<hr/>	
Penghargaan	31

AMANAT MENTERI BESAR SELANGOR TAHUN 2022

Sumber:selangor.gov.my

Mengikuti arus permodenan dunia, perkara yang palingkan ditekankan adalah untuk beradaptasi dengan perubahan dan juga menerima perubahan sebagai suatu realiti. Dengan cara itu, ia dapat melahirkan sebuah pentadbiran dan pengurusan yang tahan apabila diuji dan menjaga kepentingan semua pihak dalam dunia yang bergerak pantas. Setiap penjawat awam perlu bersedia dengan perubahan yang berlaku pada masa kini.

Kerajaan negeri mengingatkan akan belaku perubahan struktur yang besar dan perlu bersedia dengan apa segala kemungkinan. Ini bukan masanya untuk menunjuk siapa yang lebih berkuasa, ini masanya untuk jelaskan dan meyakinkan rakyat apa perkara betul yang kerajaan negeri buat. Setiap jabatan, agensi, anak syarikat, institusi dan unit harus mempunyai saluran untuk lakukan yang betul dan membuat penjelasan terhadap apa yang kerajaan negeri lakukan.

Perubahan yang ketara adalah pada dulunya arahan hanya akan diikut dari Yang Berhormat, Exco atau pegawai. Tetapi pada hari ini, arahan daripada sesiapa yang bersuara di media sosial ataupun perkara yang viral akan diketengahkan bagi menyelesaikan masalah tersebut. Suara ini saja boleh mempengaruhi beribu-ribu orang dan itulah perkara yang kena dihadapi oleh penjawat awam.

Justeru itu, untuk menjadi sebuah negeri yang terbuka, penjawat awam kena yakin untuk mengakui kesilapan, mengakui untuk memperbetulkan kesilapan dan yakin menghadapi masalah. Keyakinan ini perlu ditanamkan dari setiap peringkat kepimpinan tertinggi dan pegawai bawah. Inilah ciri-ciri yang harus dipertahankan disamping mempertahankan integriti dan profesionalisme penjawat awam.



PROGRAM DAN AKTIVITI



selangor.gov.my/sabakbernam.php



twitter.com/pdtsbernam



facebook.com/pejabat.sabakbernam



JANUARI 2022



CANVA 2.0

10 Januari 2022

Kursus Canva 2.0 ini bertempat di Bilik Mesyuarat Cempaka, Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam telah diadakan pada 10 Januari 2022. Ini bagi memberi pendedahan kepada kakitangan untuk menggunakan Canva bagi kerja-kerja kreatif yang perlu mereka lakukan.



MAJLIS JASAMU DIKENANG PELAJAR PRAKTIKAL

21 Januari 2022



Seramai 2 pelajar praktikal dari pelbagai institusi pengajian tinggi telah berjaya menamatkan latihan di PDTSB. Pelajar ini menjalani latihan industri selama 6 bulan di PDTSB.



PENGAUDITAN PENGURUSAN TANAH RIZAB MELAYU DI PDTSB

24 hingga 28 Januari 2022

Bahagian Pengurusan Tanah telah mengadakan pengauditan pengurusan tanah rizab melayu. Pengauditan ini dilakukan oleh pegawai dari Jabatan Audit Negara Negeri Selangor seramai 5 orang. Tujuan pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan TRM telah diuruskan dengan cekap dan berkesan serta mematuhi peraturan yang berkuat kuasa bagi mencapai objektif yang ditetapkan.



FEBRUARI 2022



KURSUS ADOBE PHOTOSHOP LANJUTAN

7 hingga 9 Februari 2022

Kursus Adobe Photoshop Lanjutan ini telah diadakan di Sektor Sumber Teknologi Pendidikan Negeri Selangor di Shah Alam selama 3 hari. Ini bagi mengasah skill Adobe Photoshop yang telah mereka belajari pada kursus sebelum ini.



PERHIMPUNAN PENJAWAT AWAM DAERAH SABAK BERNAM

11 Februari 2022

Perhimpunan bagi penjawat awam daerah Sabak Bernam siri 1/2022 ini diadakan di Perpustakaan Awam Sungai Besar. Tuan Pegawai Daerah telah menyampaikan amanat dan hal ehwal berkenaan daerah Sabak Bernam.



HARI KELUARGA DAN MAJLIS JASAMU DIKENANG UNIT PELUPUSAN TANAH DAN UNIT PEMBANGUNAN TANAH DI TAIPING PERAK

11 Februari 2022

Pada 11 Februari, Unit Pelupusan Tanah dan Pembangunan Tanah PDTSB telah mengadakan Hari Keluarga dan Majlis Jasamu Dikenang yang bertempat di Hotel Flemington, Taiping Perak. Hari Keluarga ini dilakukan selama 2 hari 1 malam dan Majlis Jasa Mu Dikenang bagi memperingati jasa mereka yang telah bersara atau berpindah ke tempat lain.



KURSUS TBBK1/TBBK2

14 Februari 2022



Kursus Time Based Berasaskan Kecemerlangan (TBBK/TBBK2) dan Kenaikan Pangkat ini dilaksanakan dengan usahasama Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam (PDTSB) dan Pusat Latihan Awam Selangor (PLAS) bersama Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) SUK di Pusat Latihan Inovasi Selangor, Batu 4 Sepintas, Sabak Bernam.

SEMINAR ANTI RASUAH BERSAMA SPRM SELANGOR

15 Februari 2022



Pada 15 Februari 2022, seminar anti rasuah bersama SPRM selangor telah dianjurkan oleh Unit Integriti PDTSB dengan kerjasama Kolej Komuniti Sabak Bernam dan SPRM negeri Selangor. Seminar ini dirasmikan oleh Tuan Amri bin Ismail, Pegawai Daerah Sabak Bernam dan dihadiri oleh Timbalan Pengarah SPRM, Tuan Nasir bin Mamat, Mantan Pegawai Daerah Sabak Bernam, Dihormatkan, Dato' Haji Baharin bin Mat Akhir, Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Sabak Bernam dan semua Ketua Jabatan Daerah Sabak Bernam. Seminar ini dijalankan bagi memberi kesedaran kepada penjawat awam tentang bahayanya rasuah kepada institusi kerajaan.



MAJLIS PERPISAHAN KAKITANGAN BKP DAN PELAJAR PRAKTIKAL

16 Februari 2022



Majlis ini diadakan bagi meraikan dan menghargai jasa dan sumbangan yang telah diberi oleh bekas kakitangan bahagian khidmat pengurusan yang bertukar ke bahagian/unit lain. Majlis turut meraikan pelajar praktikal yang telah tamat menjalani latihan industri di PDTSB.



SESI AUDIT PEMANTAUAN MS ISO 9001:2015 OLEH SIRIM

23 hingga 24 Februari 2022

Sesi Audit Pemantauan MS ISO 9001:2015 oleh SIRIM ini telah berlangsung pada 23 hingga 24 Februari 2022. Seramai 2 orang panel telah hadir menjalankan pengauditan.



BENGKEL KAJIAN SEMULA PELAN STRATEGIK PDTSB

25 hingga 27 Februari 2022

Bengkel Kajian Semula Pelan Strategik Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam ini telah diadakan di Hotel Flamingo Pulau Pinang selama 3 hari. Bengkel ini bertujuan untuk mengkaji semula pelan strategik PDTSB (2019-2023). Ini bagi memastikan pelan strategik yang telah dirangka mencapai piawaian ataupun tidak. Pegawai dari MAMPU telah memberi tunjuk ajar sepanjang tempoh bengkel berlangsung



MAC 2022



TAKLIMAT BERSAMA PENDUDUK MUKIM BAGAN NAKHODA OMAR MENGENAI PEMBAYARAN PREMIUM

3 Mac 2022



Pada 3 Mac 2022, telah diadakan taklimat bersama penduduk mukim Bagan Nakhoda Omar. Taklimat ini diadakan bagi memberi pengurangan pembayaran kepada pemilik tanah di BNO. Taklimat ini disertai oleh 7 orang pemilik tanah dari BNO



TAKLIMAT KEBAKARAN DAN LATIHAN KEBAKARAN

10 Mac 2022



Taklimat ini diadakan pada 10 Mac 2022 bagi melatih kakitangan Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam peka dengan apa yang perlukan dilakukan jika mempunyai kebakaran di tempat kerja. Ini dapat memastikan keselamatan setiap individu yang bertugas.



SESI PERJUMPAAN PENGARAH JABATAN PERANGKAAN NEGERI SELANGOR BERSAMA TUAN PEGAWAI DAERAH

16 Mac 2022

Sesi Perjumpaan Pengarah Jabatan Perangkaan Negeri Selangor ini adalah pada tanggal 16 Mac 2022 dan bertempat di Bilik Mesyuarat Cempaka Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam. Pihak Jabatan Perangkaan membentangkan hasil bincian yang dibuat pada tahun 2021 di daerah Sabak Bernam



MAJLIS TAHLIL DAN SUMBANGAN SARAPAN PAGI KEPADA KAKITANGAN PDTSB OLEH UNIT PELUPUSAN TANAH DAN UNIT PEMBANGUNAN TANAH

17 Mac 2022

Majlis tahlil dan sumbangan sarapan pagi ini dilakukan oleh Unit Pelupusan dan Unit Pembangunan bagi pengisian rohani dan kiriman kepada mereka yang telah pergi.



KELAB KESUKA



AHLI JAWATANKUASA BIRO AD-DIN KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN (KESUKA) PEJABAT DAERAH DAN TANAH SABAK BERNAM

Sesi 2021 - 2023



Duduk dari kiri: Encik Nasrul Hadi, Encik Mohamad Fairos bin Johari (Pengerusi), Tuan Haji Mohd Tilal dan Encik Mustafa Kamal

Berdiri dari kiri: Puan Samsiah, Puan Norhayati (Setiausaha), Puan Rozana dan Puan Lamisah

MAJLIS BACAAN YASIN DAN DOA SELAMAT DI BILIK BUNGA RAYA

14 Januari 2022

Biro Ad-Din telah merancang aktiviti-aktiviti keagamaan bagi pengisian rohani kepada semua kakitangan di Pejabat Daerah Dan Tanah Sabak Bernam. Antaranya Majlis bacaan Yasin dan doa selamat yang akan dilaksanakan setiap hari Jumaat minggu akhir setiap bulan.



CERAMAH ISRAK MIKRAJ DI BILIK MESYUARAT CEMPAKA PDTSB

11 Mac 2022



Pada 11 Mac 2022, ceramah israk israk mikraj di Bilik Mesyuarat Cempaka PDTSB ini dibuat sempena menyambut peristawa Israk dan Mikraj yang disambut oleh semua umat Islam bagi memperingati peristiwa yang berlaku oleh baginda Rasullah SAW.



MAJLIS BACAAN YASIN, TAHLIL DAN ARWAH DI BILIK MESYUARAT CEMPAKA

18 Mac 2022

Majlis bacaan Yasin dan Tahlil Arwah turut diadakan atas permintaan kakitangan PDTSB yang berhajat untuk membuat kiriman doa kepada arwah keluarga kakitangan berkenaan.



MAHLIS PENYAMPAIAN BUAH KURMA SEMPENA SAMBUTAN RAMADAN AL-MUBARAK 1443H

30 Mac 2022



Pengerusi Ad-Din menyampaikan buah kurma kepada Tuan Pegawai Daerah sempena sambutan Ramadhan Al-Mubarak 1443H



SENAMAN PETANG ANJURAN KESUKA

17 Mac 2022

Bagi mengamalkan gaya hidup sihat, Kelab KESUKA Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam telah mengadakan senaman petang bersama kakitangan bertempat di gelanggang Kekwa, Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam. Penyertaan adalah percuma dan terbuka kepada semua ahli Kelab KESUKA lelaki dan perempuan.



lieza 3310 :)



PERTANDINGAN KAROM

21 sehingga 24 Mac 2022

Pertandingan Karom ini telah dianjurkan oleh Kelab KESUKA Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam. Pertandingan ini telah disertai oleh semua kakitangan Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam bagi memeriahkan acara tersebut. Pertandingan tersebut berlangsung selama 3 hari dan menawarkan hadiah kepada para pemenang.



JUTAAN TERIMA KASIH DI UCAPKAN KEPADA

TUAN AMRI BIN ISMAIL,
YDH. DATO HAJI BAHARIN BIN HJ MAT AKHIR,
ENCIK NAZRIN IZWAN BIN MOHD NOH,
ENCIK ZAIN AZMI BIN MOHD NOR,
ENCIK MOHAMAD MARWAN BIN AHMAD TAJURI,
ENCIK MOHD FAIROS BIN JOHARI,
ENCIK ABDUL RAHMAN BIN ABDUL RAHIM,
PUAN NOOR ALIZA BINTI HAMIN,
PUAN NORHAYATI BINTI SAIMON,
PUAN NOR AZIAH BINTI ISMAIL,
PUAN ROHAIDAH BINTI MUHAMAD,
ENCIK MUSTAFA KAMAL BIN AHMAD,
UNIT ICT.

DAN

SEMUA INDIVIDU DAN PIHAK YANG TERLIBAT
SECARA LANGSUNG ATAU SECARA TIDAK
LANGSUNG DALAM MENJAYAKAN BULETIN
PDTSB BIL.01/2022 (JANUARI HINGGA MAC 2022)

